

## **UMS Menjayakan Dasar Pandang Ke Timur**

*20 Dis. 2007, New Sabah Times, ms. 10-11  
Oleh Jakaria Dasan*

Dalam kita berusaha meningkatkan penguasaan kemahiran Berbahasa Inggeris, kita tidak seharusnya meminggirkan kepentingan bahasa asing lainnya dalam meningkatkan dan memperkayakan ilmu pengetahuan sedia ada. Melihat dua orang pensyarah Universiti Malaysia Sabah berkomunikasi dalam bahasa Jepun merupakan satu kelebihan yang tidak semua pensyarah atau pentadbir miliki. Pastinya di antara mereka ini banyak perkara baru yang dibincangkan dan tidak diketahui oleh orang lain. Sebenarnya UMS mempunyai seramai 25 orang pensyarah lulusan dari Universiti di Jepun dan menjadi kebiasaan mereka apabila berjumpa akan menggunakan bahasa Jepun pada sebahagian besar perbualan atau perbincangan yang mereka adakan. Mereka ini adalah hasil daripada program Dasar Pandang Ke Timur yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan sejak tahun 80 an lagi.

Suatu ketika Negara Jepun merupakan salah satu kuasa besar dunia dalam bidang ketenteraan sehingga ia mampu menjadi salah sebuah Negara penakluk dalam Perang Dunia Kedua. Walaubagaimana pun penglibatan Negara Jepun sebagai kuasa ketenteraan lebur bersama gugurnya bom-bom atom yang memusnahkan Bandar Hiroshima dan Nagasaki. Bermula dari peristiwa hitam itu, Negara yang dikenali sebagai Negara "Matahari Terbit" ini kembali membangun semula menerusi bidang ekonomi berteraskan inovasi produk berteknologi dan berkualiti tinggi. Pengalaman ngeri yang bukan hanya mengorbankan nyawa turut sama menyaksikan kemusnahaan alam semulajadi, sehingga kawasan terlibat

alah seluas "padang jarak padang tekukur." Sejak itu, orientasi pembangunan Negara ini dengan sepenuhnya mengambilkira perentingnya menjaga kelestarian alam sekitar yang pada masa yang sama menghasilkan pelbagai produk pengguna dan industri yang sentiasa mendapat permintaan tinggi masyarakat seluruh dunia.

Dalam memastikan kemajuan yang berterusan dikecapi oleh Negara ini, maka institusi pengajian tingginya telah diorientasikan semula sebagai pusat untuk terus menjalankan penyelidikan-penyeleidikan yang secara tidak langsung bertindak sebagai 'kilang' membantu menghasilkan sumber tenaga manusia yang cekap dan produk-produk bermutu tinggi. Universiti-universiti di Negara Jepun ternyata mempunyai peranan yang unik dalam perkembangan ekonomi Negara Jepun. Mereka bukan sahaja mempastikan kualiti pendidikan yang sentiasa berada pada tahap yang tinggi malah pada masa yang sama melaksanakan obligasi sosial menentukan kemajuan Negara Jepun dalam pelbagai bidang khususnya dalam perekonomian melibatkan akuakultur, pertanian, bioteknologi, industri berat dan lain-lain lagi.

Sebelum perang dunia kedua, pentadbiran Jepun telah berusaha memastikan agar sistem pendidikannya diterajui oleh universiti-universiti ternama antaranya seperti Tokyo University (1877)(Kobu Daigakko yang ditubuhkan pada tahun 1886 diserap sebagai Fakulti Engineering Tokyo University), Waseda University (1882), Kyushu University (1910), Hitotsubashi University (1920) (sebelum itu dikenali sebagai Shoho Koshusho yang ditubuhkan pada tahun 1875), dan beberapa universiti lainnya. Menerusi universiti-universiti ini ditekankan aspek

***“Learning for the creation of national wealth.”*** Serentak dengan pembangunan institusi pengajian tinggi di Negara itu, wujud beberapa gergasi industri yang dikenali sebagai “zaibatsu” seperti Mitsui, Mitsubishi, Sumitomo, dan Yasuda (selepas Perang Dunia Kedua, Nissan dan Showa Denko turut menyertai kumpulan gergasi industri ini). Di negara Jepun, Zaibatsu merupakan antara penggerak utama kepada perkembangan institusi pengajian tinggi yang telah dimulakan sejak sedekad yang lalu sehingga kini. Melalui universiti-universiti yang mendapat sokongan kuat kerajaan dan dorongan berterusan zaibatsu, maka lahir graduan-cendekiawan Jepun yang telah merintis kegemilangan ekonomi dan teknologi Jepun pada masa ini.

Negara Malaysia secara tidak langsung telah mendapat impak yang positif hasil daripada Dasar Pandang Ke Timur yang diperkenalkan oleh negara sejak pentadbiran mantan Perdana Menteri sehinggalah ke pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi. Secara spesifik, Negara Malaysia telah meletakkan Negara Jepun sebagai model utama dalam merencana pembangunan Negara yang progresif sehingga kini. Sebagaimana langkah yang telah diambil oleh pentadbiran negara Jepun, negara juga telah melihat pendekatan penghantaran pelajar untuk mengikuti pengajian di Universiti-Universiti di Jepun sebagai langkah alternatif dalam mengikut jejak Jepun menjadi salah sebuah kuasa ekonomi dunia masakini.

Dalam hubungan ini, maka Universiti Malaysia Sabah telah pun menjalin hubungan baik dengan beberapa Universiti di Bahagian Selatan Jepun seperti di Kinki University, Kyushu University, Kagoshima

University dan Asia Pacific University. UMS melalui kerjasama JICA telah melaksanakan beberapa siri pertukaran pelajar yang memberi peluang kepada pelajar-pelajar UMS mendapatkan pengalaman luar Negara (oversea experience) dengan universiti-universiti di Jepun. Program-program latihan industri bersama dengan universiti-universiti itu turut dirancang yang akan memberi manfaat sepenuhnya kepada para pelajar UMS.

Bagi memastikan hubungan ini terus berkembang maka suatu lawatan berkaitan telah diatur bermula pada 29 November 2007 hingga 4 Disember 2007 yang lalu. Rombongan UMS yang diketuai oleh Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin, bersama-sama dengan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Madya Dr Amran Ahmed, Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan, Prof. Datin Dr. Maryati Mohamed, Pensyarah/Penyelidik, Dr. Bakhtiar Effendi Yahya, dan Pegawai Pentadbir, En Jakarta Dasan telah mengadakan lawatan kerja ke Kyushu University dan Kagoshima University. Kedua-dua universiti ini terletak di Pulau Kyushu iaitu di Bahagian Selatan Jepun.

Terdapat beberapa laluan penerbangan secara terus dari Kota Kinabalu yang boleh digunakan untuk sampai ke Kyushu antaranya ialah Kota Kinabalu/ Seoul-Incheon/ Fukuoka, dan Kota Kinabalu/ Osaka/ Fukuoka. Penerbangan (transit) ini secara keseluruhannya memakan masa selama 9 jam. Dari sudut geografinya, negeri Sabah merupakan negeri yang paling hampir dengan Kyushu di Selatan Jepun. Pembukaan pejabat Konsul-Jeneral Jepun bagi Sabah dan Sarawak di Kota Kinabalu turut membantu segala urusan perjalanan melibatkan visa dan yang

berkaitan. Pendekata, segala kelebihan ini membolehkan Sabah berpeluang untuk menjadi pintu masuk ke negara ini di kalangan pelancong dari negara Jepun yang datang dari pelbagai latarbelakang sosio-ekonomi. Justeru, usaha UMS memperkasakan hubungan dengan universiti-universiti di Selatan Jepun secara tidak langsung bukan hanya memberi manfaat dalam bidang pendidikan malah membangun sektor lain termasuk pelancongan, pertanian, akuakultur, perdagangan dan perindustrian. Menerusi perancangan terdekat UMS, hubungan berteraskan penyelidikan konservasi dan pemuliharaan alam, dan penyelidikan dalam bioteknologi dengan universiti-universiti di Jepun dan negara Asia lainnya akan mewujudkan suatu industri masa depan yang mampu meningkatkan lagi ekonomi negeri khasnya dan negara amnya.

Sebagai salah sebuah universiti ternama dan tertua di Jepun, Kyushu University yang bermula pada tahun 1910 adalah kaya dengan pengalaman yang boleh dikongsi dan dipelajari oleh UMS. Universiti ini terletak di bandaraya Fukuoka iaitu bandar tertua di Jepun berdasarkan kedudukannya yang paling hampir dengan China dan Korea. Ia mempunyai dua buah kampus iaitu Kampus Hakozaki dan Kampus Ito. Di kampus Hakozaki, rombongan UMS telah mengadakan perbincangan mengenai hubungan dua hala antara Kyushu University dan UMS dalam tiga aspek iaitu pertukaran pelajar, pertukaran staf dan perkongsian penyelidikan. Lawatan ke sekitar kampus turut diadakan selepas perbincangan yang diadakan dengan Sekretariat Hubungan Antarabangsa Kyushu University, yang diketuai oleh Kazuo Anazawa, Pengarah Hubungan Antarabangsa Kyushu University.

Di Kampus Ito, rombongan UMS telah dibawa melawat ke “*Research Institute of Superconductor Science and Systems.*” Pusat ini diketuai oleh Prof. Takanobu Kiss dan dibantu oleh Prof. Masayoshi Inoue. Penyelidikan yang dijalankan adalah tertumpu kepada kajian dalam bidang grid janakuasa, tenaga alternatif (*nuclear fusion and liquid hydrogen*), pengangkutan bersumberkan tenaga letrik dan sistem perubatan moden (*advanced medical systems*). Pada tahun 2007, Kyushu University telah berjaya menggondol anugerah terbaik bagi kategori kertas penyelidikan pelajar untuk “*the advanced materials and nano-technology.*” Dalam kertas penyelidikan “*Superconducting Thin Film Processing*” seorang penuntut kedoktoran dari UMS telah terlibat secara langsung dengan kajian yang dijalankan. Beliau ialah Puan Zulistiana Zulkifli, penuntut tajaan UMS, yang telah tiga tahun bersama dengan Kyushu University.

Beliau berkongsi cabaran dengan suami beliau En. Mahadi yang merupakan kakitangan UMS yang sedang bercuti belajar dan mengikuti sarjana Kedoktoran di universiti yang sama, membesar kan dua orang anak yang masing-masing berumur 4 dan 5 tahun. Suami beliau adalah di bawah tajaan Monbusho (Kementerian Sains dan Pendidikan Jepun). Sambil menumpukan perhatian kepada pengajian penyelidikan mereka, kedua-dua pasangan ini berupaya membesar kan dua orang anak dalam masyarakat yang sepenuhnya menggunakan bahasa Jepun sebagai bahasa komunikasi sehari-hari. Pada dasarnya hanya cabaran bahasa yang perlu ditempuh bagi membiasakan keadaan hidup di Jepun. Manakala, hal-hal berkaitan pemakanan, dan keperluan kemudahan asasi lainnya tidaklah begitu sukar untuk diadaptasikan oleh keluarga ini.

Seorang lagi penuntut kedoktoran, Wan Azlan Wan Zainal yang berkahwin dan mempunyai seorang anak yang masih kecil juga menceritakan pengalaman yang serupa yang dihadapi oleh beliau dan isteri. Wan Azlan pula adalah kakitangan UNIMAS yang sedang bercuti belajar di universiti yang sama. Berlainan dengan pasangan Zulistiana dan Mahadi, isteri Wan Azlan seorang suri rumah turut mengambil peluang memenuhi masa terluang dengan mengikuti kelas pengajian perniagaan di pusat pengajian swasta. Selain dapat menimba ilmu, untuk melayakkan ex-patriate menghantar anak ke taska atau tadika, kedua-dua ibu bapa hendaklah terbukti bekerja atau sedang mengikuti pengajian. Pada ketika mula sampai iaitu dua tahun yang lalu, pasangan ini juga menghadapi kesukaran komunikasi. Akan tetapi disebabkan saban hari berada dalam masyarakat Jepun, masalah menguasai bahasa Jepun dengan cepat dapat diatasi.

Pada lawatan ke Kyushu University itu, rombongan ini sempat juga beramah mesra dengan penuntut Malaysia lainnya yang mengikuti program pengajian kejuruteraan mekanikal dan sains tenaga. Mereka ialah Amirudin Jaafar (Tahun 3), Ahmad Hassan Sallehudin Mohd Sarif (Tahun 2), Mohd Idzat Idris (Tahun 1), Ahmad Shahrul Rezuan Johari (Tahun 3), Ahmad Syamim Ahmad Kamil (Tahun 3) dan Nurul Ain Hashim (Tahun 1). Sepertimana cabaran yang dihadapi oleh Zulistiana, Mahadi dan Wan Zainal, para penuntut ini juga menghadapi cabaran bahasa di peringkat awal pengajian mereka. Walaubagaimana pun dengan wujudnya sistem pembelajaran yang kondusif dan kalangan professor dan pensyarah yang dedikasi terhadap tugas mereka, segala rintangan pembelajaran dapat diatasi. Dalam sistem pendidikan Jepun, mutu pengajaran sentiasa dipastikan

berada pada tahap yang tinggi. Para penuntut perlu rajin menelaah dan membuat serta menghantar tugas yang diberikan.

Rombongan UMS seterusnya melakukan lawatan ke Kagoshima University yang terletak di bandaraya Kagoshima. Perjalanan ke Kagoshima boleh melalui jalan darat dan udara. Kagoshima adalah terletak di bahagian paling selatan Pulau Kyushu. Menggunakan perkhidmatan keretapi laju “shinkansen,” bandaraya yang berkedudukan hampir 400 km dari bandar Fukuoka-Hakata ini hanya mengambil masa selama 2 jam untuk sampai ke stesen keretapinya, Kagoshima-Chuo. Apabila trek shinkansen siap sepenuhnya pada tahun 2011, perjalanan Fukuoka-Kagoshima hanya mengambil masa selama 80 minit sahaja. Sepanjang perjalanan menggunakan shinkansen, seseorang itu akan dapat menyaksikan kawasan luar bandar Jepun yang mana masyarakatnya masih mengekalkan cara hidup tradisional dengan rekabentuk rumah lama yang menarik. Tanah-tanah pertanian masih dikekalkan pada setiap ruang tanah yang ada. Basikal sepertimana memenuhi bandaraya Fukuoka turut mengisi setiap bandar dan kampung di sepanjang bandar dan kampung yang dilalui.

Pendekata, dalam negara Jepun mengicap kemajuan yang begitu drastik, masyarakatnya masih mengekalkan cara hidup tradisi dengan mengekalkan keindahan alam dan peninggalan sejarah silam serta berusaha menghindar sebarang kesan yang boleh mencemarkan alam. Sakurajima adalah sebuah gunung berapi yang telah lama tidak aktif dan telah menjadikan lanskap bandaraya kagoshima begitu cantik dan mengujakan. Selain dari Gunung Fuji, Sakurajima atau bermaksud Pulau Sakura sering menjadi tumpuan

pelancong dari dalam dan luar negeri. Di Kagoshima juga sejarah kepahlawanannya Shogun yang terakhir turut dirakamkan melalui monumen dan tempat bersejarah yang dijaga dengan baik dan sempurna.

Disebalik kemampuan Jepun menghasilkan pelbagai jenis kereta dan jenis kenderaan lain yang sentiasa memenuhi jalanraya di luar negara, masyarakatnya pula masih senang dan bangga menggunakan basikal yang bukan sahaja murah dan mudah tetapi berjaya menghindarkan alam dari terus dicemari oleh asap yang impaknya boleh mengancam kestabilan suhu dunia. Malah di setiap bandaraya, dibina tempat letak basikal di setiap bangunan pejabat dan pasaraya atau gedung perniagaan. Suatu pengalaman yang sungguh unik bilamana dapat melihat sistem letak basikal menggunakan syiling sepertimana sistem letak kereta yang ada di Bandaraya Kuala Lumpur.

Dengan pengurusan Kagoshima University, UMS turut membincangkan mengenai jalinan hubungan kerjasama melibatkan pertukaran pelajar, pertukaran staf dan kajian penyelidikan secara bersama khususnya dalam bidang akuakultur dan pertanian. Pada masa yang sama melalui program International Training Program, Kagoshima University memang berhasrat untuk memulakan hubungan usahasama dengan Universiti Malaysia Sabah dan tiga institusi pendidikan lain iaitu, Universiti Malaysia Terengganu, The Indonesian Institute of Sciences (LIPI) dan Andalas University, Indonesia. Tumpuan usaha yang akan dilakukan secara bersama adalah dalam memulihara dan melestari sumber biologi dan khazanah alam di kawasan tropika. Melalui kajian bersama yang dijalankan melalui program ini kelak, maka diharapkan ianya mampu dimanfaatkan

untuk mempastikan agar jangka hayat dunia yang kita duduki ini dapat dinikmati dengan lebih lama.

Sepertimana dilakukan di Kyushu University, Naib Canselor UMS bersama-sama dengan ahli rombongan turut mengadakan majlis bersama penuntut-penuntut Malaysia yang melanjutkan pengajian di Kagoshima University. Terdapat seramai 14 orang pelajar Sarjana Muda dalam pelbagai program Kejuruteraan dan tiga orang penuntut Malaysia mengikuti Sarjana Kedoktoran (PhD). Salah seorang dari penuntut PhD itu ialah En Bakhtiar Effendi Yahya, pensyarah UMS yang telah tamat pengajian dibawah tajaan Monbusho. Dengan pengalaman yang diperolehi melalui interaksi dengan professor dan rakan-rakan PhD antarabangsa yang lain, beliau mendapati bahawa usaha mengikuti pengajian di universiti luar negara seperti di Kagoshima Jepun dapat meningkatkan dan memperdalamkan lagi pengetahuan beliau. Seorang lagi penuntut sarjana kedoktoran yang melanjutkan pengajian di sini ialah Puan Connie Fay Komilus. Kakitangan Jabatan Perikanan Sabah ini turut meluahkan rasa keyakinan beliau akan sistem pengajian Universiti di Jepun yang berupaya memberikan beliau lebih banyak pendedahan berkaitan dengan kajian perikanan yang diikuti. Beliau merupakan penuntut Sarjana Kedoktoran Perikanan dalam bidang "*Fish Nutrition and Fish Quality*."

Selain memberi nasihat dan motivasi kepada para penuntut agar terus menunjukkan kecemerlangan dalam pengajian mereka, Naib Canselor turut menyampaikan pelbagai perkara dan isu semasa mengenai keadaan yang berlaku di Malaysia. Para penuntut Malaysia di luar negara perlu sentiasa diberikan maklumat

yang betul agar tidak mudah terpengaruh dengan berita yang tersebar melalui blog internet. Fokus kepada pembelajaran adalah perkara utama yang perlu diberikan penekanan. Para penuntut juga diingatkan agar sentiasa berkelakuan baik semasa berada di negara orang. Ini adalah kerana mereka juga adalah berperanan sebagai duta negara. Sikap rajin dan dedikasi terhadap pelajaran merupakan antara perilaku yang perlu sentiasa dimiliki. Ianya adalah secara langsung menjadi cerminan kepada kredibiliti masyarakat Malaysia.

Matahari yang terbit di ufuk Timur turut menerangi segenap ruang di negara kita. Bersama sinaran mentari itu, sewajarnya kita merenung kembali betapa agungnya ciptaan dunia ini yang dikurniakan Tuhan Maha Pencipta kepada manusia. Hanya menerusi ilmu kita mampu merenung dan menilai dengan betul hikmah disebaliknya. Justeru itu mencontohi masyarakat yang berjaya seperti masyarakat dari negara Matahari Terbit ini, adalah suatu tindakan yang bijak dalam usaha kita mempastikan negara kita terus membangun dan maju pada landasan yang betul. Kita dituntut untuk menapak maju sambil sentiasa berpegang teguh kepada agama dan kepercayaan masing-masing. Negara Jepun walau pun maju dan moden tetapi masyarakatnya masih kental dengan adat resam, budaya dan kepercayaan mereka. Justeru itu, menjadikan hubungan antara universiti sebagai mekanisma penggerak kepada pembangunan negara keseluruhannya adalah suatu langkah yang perlu diperkembangkan. Ini adalah sebagai mengambilkira akan peranan universiti itu sendiri sebagai pusat yang bukan hanya melahirkan graduan cendekiawan, malah ia mampu menghasilkan suatu hubungan yang memberi manfaat langsung kepada pembangunan negara. Sesungguhnya dari sudut pertambahan bilangan graduan PhD

dari Jepun ianya adalah merupakan satu kejayaan kesan daripada Dasar Pandang Ke Timur (Look East Policy).